


1. Jumlah Tenaga Elektrik (*nett*) yang dijana oleh TNB & IPP bagi Suku Tahun Keempat (Q4) 2012

Loji Penjanaan	GWh
TNB	5,969
IPP	20,742


77% daripada Jumlah Tenaga Elektrik (*nett*) yang dijana di Semenanjung Malaysia disumbangkan oleh IPP manakala baki 23% disumbangkan oleh TNB. Terdapat penurunan penjanaan elektrik sekitar 1.2% jika dibandingkan dengan Q3. Musim hujan yang berpanjangan serta musim cuti persekolahan pada Q4 antara faktor yang menyumbangkan kepada pengurangan permintaan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia.



2. Kecekapan Thermal bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Keempat (Q4) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	43.46	43.62
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	25.58	28.19
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	35.67
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	27.74	32.05


Data Q4 bagi Kecekapan Termal loji-loji penjanaan di Semenanjung Malaysia menunjukkan prestasi yang agak konsisten sepanjang Q4 dimana tiada banyak perbezaan berbanding Q3. Tiada perbezaan ketara diantara prestasi TNB dan IPP kecuali bagi Loji Penjanaan Konvensional. Loji Penjanaan Konvensional milik IPP lebih kerap beroperasi jika dibandingkan dengan Loji Penjanaan Konvensional milik TNB. Faktor ini menyumbang kepada Kecekapan Termal yang lebih baik kepada Loji Penjanaan Konvensional milik IPP.



3. Purata Faktor Kesediaan Setara Loji (EAF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Keempat (Q4) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	89.37	91.50
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	89.53	86.89
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	81.82
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	100.00	61.08
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	96.61	-
Purata EAF		87.10
Purata kumulatif EAF (Q1, Q2, Q3 & Q4)		90.92


Terdapat penurunan sebanyak 5.55% bagi EAF untuk Q4 jika berbanding data pada Q3. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pertambahan aktiviti henti tugas bagi tujuan penyenggaraan. Penurunan EAF yang ketara bagi loji penjanaan konvensional milik IPP adalah berikutan terdapat henti tugas terancang yang dilaksanakan.



4. Purata Faktor Henti Tugas Terancang (EPOF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Keempat (Q4) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	9.16	3.87
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	6.42	8.46
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	12.44
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	-	36.29
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	2.02	-
Purata EPOF	11.24	
Purata kumulatif EPOF (Q1, Q2, Q3 & Q4)	6.61	

Purata EPOF yang agak tinggi iaitu sebanyak 11.24% menunjukkan kadar aktiviti penyenggaraan yang kerap dilaksanakan oleh loji-loji penjanaan. Sepanjang Q4, terdapat aktiviti *Major Overhaul*, *Minor Overhaul* serta *Major Inspection* telah dilaksanakan oleh beberapa loji penjanaan kitar padu, loji penjanaan arang batu dan loji penjanaan konvensional yang menggunakan minyak/gas.



5. Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (EUOF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Keempat (Q4) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	1.46	3.84
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	4.05	4.67
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	5.75
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	-	2.62
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	1.37	-
Purata EUOF	3.39	
Purata kumulatif EUOF (Q1, Q2, Q3 & Q4)	2.65	

Berbanding pada Q3, terdapat peningkatan EUOF yang ketara pada loji penjanaan kitar terbuka berikutan terdapat masalah *bearing high vibration* serta perlanjutan masa *Major Inspection* yang gagal disiapkan pada masa yang telah ditetapkan. Loji-loji janakuasa yang lain berada pada tahap EUOF yang memuaskan.

